

# G-15 berikrar tolak tekanan Barat

Daripada Hambali Latiff,

BH 30 MAR 1994

NEW DELHI, Selasa - Kumpulan 15 (G-15) yang berikrar tidak akan mengikut telunjuk negara maju (Utara), bertekad akan menentang habis-habisan syarat perdagangan tidak adil yang diasaskan kepada tanggapan dan kepentingan Barat.

Ketua-ketua kerajaan dalam Sidang Pleno G-15 di sini pagi dan petang semalam sepakat tidak mahu Utara dan negara Barat lain menekan mereka dengan meletakkan syarat tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu wartawan Malaysia di sini hari ini, tujuan utama Utara menimbulkan isu dan meletakkan syarat sebagai senjata supaya negara membangun tidak bersaing dengan barangan mereka.

"Mereka meletakkan syarat supaya kita tidak dapat menjual barangan kita dan kedudukan itu menyebabkan industri terpaksa ditutup dan pekerja akan menganggur," katanya.

Perdana Menteri ditanya mengapa Utara terus menekan negara membangun sedangkan rundingan perdagangan pelbagai hala (MTN) Pusingan Uruguay sudahpun selesai dan akan ditandatangani di Maghribi pada 15 April ini.

Beliau berkata, syarat seperti hak asasi, alam sekitar, demokrasi dan paling baru mengenai soal upah minimum adalah cara Utara mengamalkan dasar perlindungan.

Menurut Perdana Menteri, ketua-ketua kerajaan G-15 kini sedar bahawa Utara sengaja mahu menyekat perkembangan serta peningkatan taraf perdagangan dan ekonomi kerana mereka bimbang bersaing di pasaran antarabangsa.

"Tekanan seperti menggunakan Super 301 oleh Amerika Syarikat dan syarat lain semata-mata bertujuan melindungi perdagangan dan pekerja mereka dengan alasan buruh murah tanpa mengambil kira sara hidup yang rendah di negara membangun," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui, ada beberapa negara dalam G-15 yang belum menyedari tekanan itu kerana mereka belum sampai ke tahap negara yang mengeluarkan dan mengekspor barangan keluaran sendiri di pasaran antarabangsa.

"Walaupun demikian, mereka menunjukkan minat terhadap isu ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, soal sekatan dan syarat yang dikaitkan dengan perdagangan begitu diberi perhatian oleh Malaysia, India dan Indonesia kerana negara-negara ini terpaksa bersaing dengan negara maju dari segi perdagangan dan eksport antarabangsa.

Mengenai minat yang ditunjukkan

LIHAT MUKA 2

# Sidang ikrar tolak tekanan Barat

## **DARI MUKA 1**

Utara, khususnya Amerika Syarikat terhadap Asia Timur, Perdana Menteri berkata kawasan yang menjadi wilayah pertumbuhan paling cepat ini sudah pasti akan bersaing dengan mereka.

Menurut Perdana Menteri, suara yang semakin lantang terhadap media Barat di kalangan anggota G-15 seperti daripada Presiden Abdou Diouf berpunca daripada tekanan berterusan Barat.

"Saya fikir semua negara Selatan mendapat liputan kurang adil daripada media Barat seperti Malaysia.

"Ada negara menghadapi masalah penurunan mata wang dan menghadapi masalah tetapi berita yang disiarkan lain pula. Media Barat kebanyakannya memberikan laporan tidak baik mengenai negara membangun," katanya.

Beliau berkata, "Tidak negara Barat masih beranggapan mempunyai hak berterusan untuk mencampuri hal-ehwal dalaman negara membangun.